



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 882**

**AKTA PEROLEHAN KERAJAAN 2026**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	16 Mei 2026
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	26 Mei 2026

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 882

### AKTA PEROLEHAN KERAJAAN 2026

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Ketidapkakaian
4. Akta hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis yang berkaitan
5. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### PENTADBIRAN PEROLEHAN KERAJAAN

6. Pentadbiran perolehan Kerajaan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan
7. Kewajipan dan kuasa pegawai pengawal
8. Kewajipan dan kuasa pegawai perolehan
9. Pentadbiran perolehan Kerajaan oleh entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri

##### BAHAGIAN III

##### KELULUSAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

10. Pihak berkuasa yang meluluskan dalam perolehan Kerajaan
11. Penubuhan lembaga perolehan
12. Kelulusan oleh lembaga perolehan
13. Kelulusan oleh Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, dsb.

## BAHAGIAN IV

## PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR

## Seksyen

14. Pendaftar, timbalan pendaftar dan pegawai pendaftaran
15. Kewajipan dan kuasa Pendaftar
16. Garis panduan dan arahan bertulis oleh Pendaftar
17. Kehendak untuk mendaftar
18. Permohonan bagi pendaftaran, dsb.
19. Alasan bagi penolakan pendaftaran, dsb.
20. Pendaftaran disifatkan terbatal
21. Penggantungan dan pembatalan pendaftaran
22. Larangan mengenai pendaftaran
23. Kesan penggantungan dan pembatalan
24. Pengecualian daripada pendaftaran
25. Kuasa untuk menyiarkan maklumat
26. Kajian semula keputusan Pendaftar bagi penggantungan, pembatalan dan larangan
27. Larangan mengenai pendaftaran dalam kod bidang yang sama

## BAHAGIAN V

## PENJALANAN PEROLEHAN

28. Perolehan terbuka dan berdaya saing
29. Dasar dan langkah-langkah khusus dalam perolehan Kerajaan
30. Tatacara khusus semasa tempoh keterdesakan
31. Peruntukan bagi pelaksanaan obligasi antarabangsa
32. Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam
33. Kontrak perolehan Kerajaan
34. Pentadbiran kontrak perolehan Kerajaan
35. Larangan mengenai pemindahan, dsb., pemberian atau kontrak perolehan Kerajaan
36. Sistem berkomputer bagi pentadbiran perolehan Kerajaan

BAHAGIAN VI

INTEGRITI DAN PELAPORAN

Seksyen

37. Kewajipan untuk menzahirkan kepentingan
38. Larangan terhadap campur tangan dalam perolehan Kerajaan

BAHAGIAN VII

PEMANTAUAN PEMATUHAN

39. Pemantauan pematuhan dan kuasa penyeliaan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan pihak berkuasa kewangan Negeri
40. Pemantauan pematuhan oleh pegawai pengawal
41. Kuasa untuk menghendaki maklumat
42. Kuasa untuk menghendaki laporan penilaian pematuhan
43. Tindakan berdasarkan dapatan laporan penilaian pematuhan
44. Kewajipan untuk melaporkan kepada agensi penguatkuasaan

BAHAGIAN VIII

PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

45. Pemberikuasaan pegawai awam
46. Kuasa penyiasatan
47. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
48. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
49. Waran boleh diterima walaupun cacat
50. Akses kepada data berkomputer
51. Senarai benda yang disita
52. Pelepasan benda yang disita
53. Pelucuthakan benda yang disita
54. Hak harta mengenai benda yang dilucuthakkan
55. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
56. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
57. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
58. Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan

Seksyen

59. Galangan
60. Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod

#### BAHAGIAN IX

##### ADUAN, BANTAHAN DAN KAJIAN SEMULA

61. Pentadbiran aduan, bantahan dan kajian semula
62. Penubuhan dan pentadbiran panel kajian semula

#### BAHAGIAN X

##### TRIBUNAL RAYUAN PEROLEHAN KERAJAAN

63. Penubuhan Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan
64. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan
65. Pengosongan jawatan
66. Keanggotaan dan kuorum
67. Bidang kuasa
68. Rayuan kepada Tribunal Rayuan
69. Perintah penggantungan terhadap perolehan Kerajaan
70. Penyingkiran bidang kuasa mahkamah
71. Kuasa Tribunal Rayuan
72. Tatacara Tribunal Rayuan
73. Penzahiran kepentingan oleh Pengerusi dan anggota Tribunal Rayuan
74. Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain
75. Obligasi kerahsiaan
76. Pekhidmat awam dan pegawai awam
77. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
78. Tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati
79. Prosiding terbuka kepada orang awam
80. Keputusan Tribunal Rayuan
81. Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan

BAHAGIAN XI

TINDAKAN PENTADBIRAN DAN PENDAKWAAN

Seksyen

82. Dokumen dan maklumat palsu
83. Tanggungan pengarah, dsb., pertubuhan perbadanan, dsb.
84. Tanggungan seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.
85. Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran
86. Pendakwaan
87. Pengkompaunan kesalahan
88. Penalti am

BAHAGIAN XII

AM

89. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan
90. Kuasa Menteri untuk meminda Jadual
91. Arahan dan pekeliling oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan
92. Arahan oleh pihak berkuasa kewangan Negeri
93. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 882

### AKTA PEROLEHAN KERAJAAN 2026

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewajipan, kebertanggungjawaban, tadbir urus dan ketelusan dalam perolehan Kerajaan, penubuhan Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perolehan Kerajaan 2026.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pemakaian**

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi—

(a) mana-mana orang yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan perolehan Kerajaan; dan

(b) mana-mana orang yang menyertai perolehan Kerajaan.

(2) Walau apa pun dalam seksyen ini, Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan daripada pemakaian Akta ini mana-mana penguntukan dana sekali beri yang diuntukkan melalui Akta Perbekalan atau Enakmen Perbekalan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa perolehan Kerajaan oleh mana-mana badan berkanun, pihak berkuasa tempatan, entiti Kerajaan Persekutuan, entiti Kerajaan Negeri atau mana-mana entiti lain berhubung dengan apa-apa program baharu.

**Ketidapkakaian**

3. Akta ini tidak terpakai bagi—

(a) apa-apa perolehan atau pengambilan agensi fiskal atau perkhidmatan depositori, perkhidmatan pembubaran dan pengurusan bagi institusi kewangan yang dikawal selia atau perkhidmatan yang berkaitan dengan penjualan, penebusan dan pengagihan hutang awam, termasuk pinjaman dan bon Kerajaan, nota dan apa-apa sekuriti lain;

(b) apa-apa pelantikan atas dasar kontrak oleh Persekutuan atau mana-mana Negeri bagi penyampaian perkhidmatan awam; dan

(c) apa-apa perolehan—

(i) yang dijalankan bagi maksud khusus untuk memberikan bantuan antarabangsa, termasuk bantuan pembangunan;

- (ii) yang dibiayai oleh organisasi antarabangsa atau oleh pemberian, pinjaman atau bantuan asing atau antarabangsa lain yang tatacara atau syarat perolehan organisasi antarabangsa atau penyumbang tersebut terpakai; dan
- (iii) yang dijalankan di bawah prosedur atau syarat khusus suatu perjanjian antarabangsa yang berhubungan dengan penempatan tentera atau yang berhubungan dengan pelaksanaan bersama oleh penandatanganan.

**Akta hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang bertulis yang berkaitan**

4. Akta ini hendaklah dibaca bersama-sama mana-mana undang-undang bertulis yang berkaitan yang berhubungan dengan perolehan Kerajaan dan peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan itu.

**Tafsiran**

5. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi pelaksana” ertinya mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan yang ditetapkan oleh Menteri sebagai agensi yang melaksanakan perolehan Kerajaan bagi pihak pegawai pengawal;

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“Akta Perbekalan” atau “Enakmen Perbekalan” ertinya Akta atau Enakmen yang dibuat bagi penguntukan apa-apa jumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan mengikut Perkara 100 dan 101 atau, seksyen 15 dan 16 Jadual Kelapan, Perlembagaan Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“anggota pentadbiran” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

“arahan” ertinya apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen 91 atau 92, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“badan berkanun” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan yang dibentuk atau diperbadankan menurut mana-mana undang-undang bertulis tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;

“Dewan Undangan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

“dinyatakan”, jika tiada cara disebutkan, ertinya dinyatakan dari semasa ke semasa secara bertulis, dan kuasa untuk menyatakan termasuklah kuasa untuk menyatakan secara berlainan bagi—

(a) orang atau aktiviti yang berlainan; atau

(b) kelas, kategori atau perihal orang atau aktiviti yang berlainan;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“entiti” ertinya syarikat, perkongsian atau mana-mana kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“entiti Kerajaan Negeri” ertinya—

(a) mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] yang—

(i) dalam hal syarikat berhad menurut syer, Menteri Besar atau Ketua Menteri yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang Negeri atau mana-mana badan berkanun Negeri merupakan pemegang syer lebih lima puluh peratus daripada syer syarikat; atau

(ii) dalam hal syarikat berhad menurut jaminan, Menteri Besar atau Ketua Menteri yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang Negeri atau mana-mana badan berkanun Negeri merupakan anggota syarikat; atau

- (b) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] oleh Kerajaan Negeri;

“entiti Kerajaan Persekutuan” ertinya—

- (a) mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 yang—

- (i) dalam hal syarikat berhad menurut syer, Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957 [Akta 375] atau mana-mana badan berkanun Persekutuan merupakan pemegang syer lebih lima puluh peratus daripada syer syarikat; atau

- (ii) dalam hal syarikat berhad menurut jaminan, Menteri Kewangan yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957, wakil mana-mana Kementerian atau badan berkanun Persekutuan merupakan anggota syarikat; atau

- (b) mana-mana pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 oleh Kerajaan Persekutuan;

“entiti perolehan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, dan termasuklah—

- (a) mana-mana Kementerian atau badan berkanun Persekutuan, pihak berkuasa tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya atau mana-mana entiti Kerajaan Persekutuan;

- (b) mana-mana kementerian atau jabatan atau badan berkanun sesuatu Negeri, mana-mana pihak berkuasa tempatan sesuatu Negeri atau mana-mana entiti Kerajaan Negeri;

- (c) mana-mana agensi pelaksana; dan

- (d) apa-apa entiti lain,

yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan perolehan Kerajaan di bawah Akta ini;

“Kementerian” ertinya Kementerian Persekutuan, termasuk mana-mana jabatan atau agensi di bawah Kementerian itu dan mana-mana jabatan atau agensi Kementerian itu di mana-mana Negeri atau daerah di Malaysia;

“Kementerian Kewangan” ertinya Kementerian Persekutuan di bawah tanggungjawab Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“Ketua Menteri” dan “Menteri Besar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61];

“kontraktor” ertinya seorang kontraktor yang berdaftar di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520];

“koperasi” ertinya suatu koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

“kumpulan wang luar jangka” ertinya Kumpulan Wang Luar Jangka yang diwujudkan di bawah Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan atau Rizab Luar Jangka di bawah seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406];

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“orang berdaftar” ertinya orang yang berdaftar di bawah seksyen 18, dan termasuklah—

- (a) setiap orang yang dinamakan dalam sesuatu pendaftaran;
- (b) dalam hal suatu syarikat, pengarah, pemegang saham dan pengurusan kanan syarikat;
- (c) dalam hal suatu perkongsian, semua pekongsi dalam perkongsian itu; dan
- (d) dalam hal suatu koperasi, mana-mana orang yang memegang tanggungjawab utama dalam pengurusan koperasi;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis di bawah subseksyen 45(1);

“pegawai pengawal” ertinya—

(a) seseorang yang dilantik di bawah subseksyen 15A(1) Akta Tatacara Kewangan 1957; atau

(b) seseorang yang dilantik di bawah subseksyen 9(1),

untuk menjalankan kewajipan dan kuasa seorang pegawai pengawal di bawah Akta ini;

“pegawai perolehan” ertinya mana-mana pegawai awam atau orang yang dinamai atau dilantik di bawah subseksyen 8(1) sebagai pegawai perolehan di bawah Akta ini;

“pekeliling” ertinya apa-apa pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen 91;

“pekongsi” dan “perkongsian” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*], Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010 [*Akta 707*] dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*];

“pembekal” ertinya mana-mana orang yang menyediakan atau membekalkan, atau boleh menyediakan atau membekalkan barangan atau perkhidmatan, dan termasuklah orang yang membangunkan atau mengilangkan barangan atau perkhidmatan, atau apa-apa gabungannya;

“pemunya benefisial” mempunyai erti yang diperuntukkan dalam seksyen 44B Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*], seksyen 109A Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*], subseksyen 2(1) Akta Amanah Labuan 1996 [*Akta 554*], seksyen 24A Akta Yayasan Labuan 2010 [*Akta 706*], seksyen 69A Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010, seksyen 20A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau subseksyen 2(1) Akta Syarikat 2016, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Pendaftar” ertinya orang yang dilantik sebagai Pendaftar Perolehan Kerajaan di bawah subseksyen 14(1);

“pengarah” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Syarikat Labuan 1990 atau subseksyen 2(1) Akta Syarikat 2016, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“penguntungan dana” ertinya—

(a) dalam hal Kerajaan Persekutuan—

- (i) apa-apa dana yang diuntukkan mengikut Akta Perbekalan oleh Parlimen, termasuk mana-mana kumpulan wang luar jangka;
- (ii) apa-apa dana yang diuntukkan dan diarahkan oleh Dewan Rakyat mengikut seksyen 3 dan 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966;
- (iii) apa-apa dana daripada akaun amanah atau kumpulan wang amanah Kerajaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan 1957;
- (iv) apa-apa pemberian, pinjaman atau apa-apa peruntukan yang berpunca daripada subperenggan (a)(i) hingga (a)(iii), oleh atau melalui Kerajaan Persekutuan kepada mana-mana orang atau entiti; dan
- (v) apa-apa hasil atau pulangan yang diperoleh daripada mana-mana pelaburan mana-mana dana di bawah subperenggan (a)(i) hingga (a)(iv); atau

(b) dalam hal sesuatu Kerajaan Negeri—

- (i) apa-apa dana yang diuntukkan mengikut Enakmen Perbekalan oleh suatu Dewan Undangan;
- (ii) apa-apa dana yang diuntukkan dan diarahkan oleh suatu Dewan Undangan mengikut seksyen 9 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966;
- (iii) apa-apa kumpulan wang amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri yang dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri;

- (iv) apa-apa pemberian, pinjaman atau apa-apa bentuk peruntukan yang berpunca daripada subperenggan (b)(i) hingga (b)(iii), oleh atau melalui Kerajaan Negeri kepada mana-mana orang atau entiti; dan
- (v) apa-apa hasil atau pulangan yang diperoleh daripada mana-mana pelaburan mana-mana dana di bawah subperenggan (b)(i) hingga (b)(iv);

“Perbendaharaan” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan dan termasuklah mana-mana pegawai awam di bawah kawalan pentadbiran atau arahan Menteri itu yang kepadanya Menteri itu telah mewakilkan atau yang, mengikut seksyen 6 atau 7 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [*Akta 358*], diberi kuasa untuk menjalankan fungsi di bawah Akta ini;

“perkongsian liabiliti terhad” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;

“perkongsian liabiliti terhad Labuan” dan “perkongsian terhad Labuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010;

“perolehan Kerajaan” ertinya mana-mana perolehan bagi pembekalan barangan atau perkhidmatan atau bagi kerja yang dibiayai oleh penguntukan dana oleh Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau melalui penggunaan apa-apa aset milik Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya—

- (a) mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], atau Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan Sarawak 1996 [*Sarawak Bab 20*]

atau Perbandaran yang ditubuhkan di bawah Ordinan Perbandaran Kuching [*Sarawak Bab 116*], atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 [*Sabah Ord. 11 Tahun 1961*];

- (b) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Bandar Bandaraya Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];
- (c) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan, Perbadanan Labuan sebagaimana yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Labuan 2001 [*Akta 609*]; dan
- (d) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Perbadanan Putrajaya sebagaimana yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*],

dan termasuklah mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik atau diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan dan melaksanakan kuasa dan fungsi yang diberikan dan dikenakan ke atas pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“sijil pendaftaran” ertinya sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah subseksyen 18(4);

“syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Syarikat 2016 atau, berhubung dengan suatu syarikat Labuan, mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Syarikat Labuan 1990;

“Tribunal Rayuan” ertinya Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 63.

(2) Apa-apa sebutan mengenai “pihak berkuasa kewangan Negeri” dalam Akta ini hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “pihak berkuasa kewangan Negeri” mengikut pengertian seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN PEROLEHAN KERAJAAN

**Pentadbiran perolehan Kerajaan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

6. (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran, kawalan dan pengawasan semua perkara yang berhubungan dengan Akta ini.

(2) Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh mewakilkan mana-mana kuasa, kewajipan atau fungsinya di bawah Akta ini, selain kuasa di bawah seksyen 14, 26 dan 45, kepada mana-mana pegawai di bawah bidang kuasanya tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut, dan hendaklah memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang perlu untuk memastikan perjalanan atau pelaksanaan kuasa, kewajipan atau fungsi itu yang sepatutnya.

(3) Apa-apa pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Ketua Setiausaha Perbendaharaan sendiri daripada menjalankan atau melaksanakan pada bila-bila masa apa-apa kuasa, kewajipan atau fungsi yang diwakilkan.

(4) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah menjalankan usaha wajar dan mengadakan proses dan tatacara secukupnya bagi mengelakkan percanggahan kepentingan semasa menjalankan kuasanya, menunaikan kewajipannya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan mengikut apa-apa arahan atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(5) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah menjalankan semua aktiviti dan membuat semua perkara yang perlu atau berfaedah dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau bagi apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri mengikut Akta ini.

**Kewajipan dan kuasa pegawai pengawal**

7. (1) Seorang pegawai pengawal hendaklah mempunyai kewajipan dan kuasa yang berikut:

- (a) untuk bertanggungjawab bagi setiap tindakan dan keputusan yang dibuat berhubung dengan perolehan Kerajaan yang ditadbir, dijalankan atau dilaksanakan dalam bidang kuasanya;
- (b) untuk menyelia pegawai perolehan dan jawatankuasa perolehan di bawah seliaannya dan memantau pematuhan mereka kepada Akta ini dan apa-apa arahan atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (c) untuk menjalankan usaha wajar dan mengadakan tatacara secukupnya bagi mengelakkan percanggahan kepentingan semasa menjalankan kuasanya, menunaikan kewajibannya dan melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan mengikut apa-apa arahan atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (d) untuk mentadbir, menjalankan atau melaksanakan apa-apa perolehan Kerajaan yang perancangan dan anggaran peruntukan dananya telah disediakan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (e) untuk menimbangkan dan meluluskan perolehan Kerajaan mengikut Akta ini;
- (f) untuk menamai atau melantik pegawai perolehan dan menubuhkan jawatankuasa perolehan untuk membantu pegawai pengawal dalam melaksanakan apa-apa kewajipan dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini;
- (g) untuk menyatakan takat kewajipan dan kuasa yang diberikan atau dikenakan kepadanya di bawah Akta ini yang boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh pegawai perolehan atau jawatankuasa perolehan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut Akta ini;

- (h) untuk mewujudkan panel kajian semula bagi mengendalikan aduan yang berhubungan dengan perolehan Kerajaan yang ditadbir, dijalankan atau dilaksanakan oleh entiti perolehan dalam bidang kuasanya; dan
- (i) untuk menjalankan segala aktiviti dan membuat segala perkara yang perlu atau berfaedah dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau bagi apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(g), pegawai pengawal hendaklah kekal bertanggungjawab bagi penjalanan atau pelaksanaan kewajipan dan kuasa oleh orang yang diberi kuasa itu.

(3) Pegawai pengawal hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan yang berbangkit daripada kegagalannya untuk memastikan kewajipan dan kuasanya dijalankan dan dilaksanakan mengikut Akta ini dan apa-apa arahan atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

### **Kewajipan dan kuasa pegawai perolehan**

**8. (1) Seseorang pegawai pengawal—**

- (a) dalam hal pelantikan di bawah seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957, boleh menamai apa-apa bilangan pegawai awam; atau
- (b) dalam hal pelantikan di bawah subseksyen 9(1), boleh melantik apa-apa bilangan orang,

sebagai pegawai perolehan bagi maksud Akta ini.

(2) Pegawai pengawal boleh menyatakan takat kewajipan dan kuasa yang diberikan atau dikenakan kepadanya di bawah Akta ini yang boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai perolehan yang dinamai atau dilantik itu dan memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang perlu untuk memastikan penjalanan atau pelaksanaan kewajipan dan kuasa tersebut dengan sepatutnya.

(3) Pegawai perolehan hendaklah, setakat pemberikuasaan atau pelantikan yang diberikan kepadanya oleh pegawai pengawal mengikut subseksyen (2), mentadbir, menjalankan atau melaksanakan tiap-tiap perolehan Kerajaan mengikut Akta ini dan apa-apa arahan atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), pegawai pengawal hendaklah kekal bertanggungjawab bagi penjalanan atau pelaksanaan kewajipan dan kuasa itu oleh pegawai perolehan yang diberi kuasa atau dilantik.

(5) Mana-mana pegawai perolehan yang tidak mematuhi subseksyen (3) hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan yang berbangkit daripada kegagalannya.

### **Pentadbiran perolehan Kerajaan oleh entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri**

9. (1) Suatu entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri hendaklah, tertakluk kepada tatacara dan undang-undang yang berhubungan dengan pemerbadanan atau pentadbiran entiti perolehan itu, melantik seseorang sebagai pegawai pengawal bagi entiti perolehan itu.

(2) Menteri boleh menetapkan tatacara bagi pentadbiran, penjalanan dan pelaksanaan perolehan Kerajaan oleh entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri” ertinya mana-mana badan berkanun Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, entiti Kerajaan Persekutuan, entiti Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya atau mana-mana pihak berkuasa tempatan dalam sesuatu Negeri yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan perolehan Kerajaan.

BAHAGIAN III

KELULUSAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

**Pihak berkuasa yang meluluskan dalam perolehan Kerajaan**

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), suatu kelulusan bagi perolehan Kerajaan di bawah Akta ini boleh diberikan oleh—

- (a) Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) lembaga perolehan yang ditubuhkan di bawah seksyen 11;
- (c) jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pegawai pengawal di bawah perenggan 7(1)(f); atau
- (d) pegawai pengawal.

(2) Nilai ambang kelulusan bagi setiap pihak berkuasa yang meluluskan di bawah subseksyen (1) hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menentukan nilai ambang kelulusan bagi perolehan Kerajaan Negeri, yang hendaklah tidak melebihi nilai ambang kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi setiap pihak berkuasa yang meluluskan.

(4) Menteri boleh menetapkan tatacara bagi kelulusan dalam perolehan Kerajaan.

**Penubuhan lembaga perolehan**

**11.** (1) Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*—

- (a) menubuhkan suatu lembaga perolehan bagi tiap-tiap Kementerian atau, kementerian atau jabatan sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(b) atas permintaan pegawai pengawal Kementerian atau, kementerian atau jabatan sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, menubuhkan lembaga perolehan tambahan bagi maksud khusus yang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, fikirkan perlu.

(2) Lembaga perolehan yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah terdiri daripada pegawai awam—

(a) dalam hal suatu Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri, sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 1 Jadual Kedua; dan

(b) dalam hal Kementerian Kewangan, sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 2 Jadual Kedua.

### **Kelulusan oleh lembaga perolehan**

**12.** (1) Suatu lembaga perolehan yang ditubuhkan di bawah seksyen 11 hendaklah menimbang dan meluluskan semua perolehan Kerajaan mengikut nilai ambang kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Kuorum bagi tiap-tiap mesyuarat lembaga perolehan hendaklah tidak kurang daripada tiga termasuk pengerusi.

(3) Tiada seorang pun selain ahli lembaga perolehan boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mesyuarat lembaga perolehan melainkan jika—

(a) dia merupakan anggota urus setia lembaga perolehan yang dinamai oleh pegawai pengawal; atau

(b) dia merupakan pegawai awam yang diundang oleh pengerusi bagi maksud menasihati lembaga perolehan bagi apa-apa perkara yang sedang dipertimbang teliti.

(4) Mana-mana pegawai awam yang diundang di bawah perenggan (3)(b) tidak berhak mengundi atau hadir semasa sesuatu keputusan dibuat oleh lembaga perolehan.

(5) Seseorang ahli lembaga perolehan yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung, dengan sendirinya, anggota keluarganya atau sekutunya, apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh lembaga perolehan hendaklah menzahirkan kepada lembaga perolehan fakta dan jenis kepentingan itu.

(6) Suatu penzahiran di bawah subseksyen (5) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat dan selepas penzahiran itu, ahli yang mempunyai kepentingan dalam perkara itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian, dalam mana-mana pertimbangtelitian atau keputusan yang dibuat, oleh lembaga perolehan mengenai perkara itu;
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum suatu mesyuarat bagi pertimbangtelitian atau keputusan dibuat mengenai perkara itu; dan
- (c) jika ahli yang mempunyai kepentingan itu ialah pengerusi lembaga perolehan, hendaklah menarik diri dan digantikan oleh pengerusi ganti yang ditetapkan.

(7) Tiada tindakan atau prosiding lembaga perolehan boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana ahli lembaga perolehan telah melanggar peruntukan seksyen ini.

(8) Jika lembaga perolehan gagal mencapai keputusan sebulat suara dalam apa-apa perkara yang dipertimbang teliti dalam mesyuarat, lembaga perolehan hendaklah merujuk perkara itu kepada Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau apa-apa pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi suatu keputusan.

(9) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “anggota keluarganya” termasuklah—

(i) suami atau isterinya;

(ii) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;

- (iii) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tiri;
  - (iv) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
  - (v) suami atau isteri anaknya, atau adik-beradiknya;
- (b) “sekutu” ertinya—
- (i) orang yang merupakan penama atau pekerja ahli itu;
  - (ii) firma yang ahli itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
  - (iii) pekongsi ahli itu;
  - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya ahli itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari; atau
  - (v) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat Labuan 1990 atau Akta Syarikat 2016, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ahli itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegang syer yang substansial.

**Kelulusan oleh Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri, dsb.**

**13.** (1) Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menimbang dan meluluskan—

- (a) semua perolehan Kerajaan mengikut nilai ambang kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) mana-mana perolehan Kerajaan yang dirujuk kepada Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh lembaga perolehan di bawah subseksyen 12(8).

(2) Sebelum memberikan kelulusan bagi sesuatu perolehan Kerajaan, Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

(a) dalam hal perenggan (1)(a), menghendaki lembaga perolehan yang bertanggungjawab bagi dana yang diuntukkan bagi perolehan Kerajaan itu; atau

(b) dalam hal perenggan (1)(b), menghendaki lembaga perolehan yang merujuk perolehan Kerajaan untuk keputusan itu,

untuk menimbang perolehan Kerajaan itu mengikut Akta ini dan mengemukakan suatu syor kepada Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas menimbang syor yang dikemukakan di bawah subseksyen (2), Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh bersetuju dengan syor itu atau boleh membuat keputusan berlainan yang difikirkannya patut.

(4) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau mana-mana pihak berkuasa lain sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah muktamad dan hendaklah dilaksanakan sewajarnya.

#### BAHAGIAN IV

##### PENDAFTARAN PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR

#### **Pendaftar, timbalan pendaftar dan pegawai pendaftaran**

**14.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah melantik seorang pegawai awam Perbendaharaan sebagai Pendaftar Perolehan Kerajaan yang hendaklah melaksanakan kewajipan yang dikenakan dan menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini bagi pentadbiran sepatutnya Akta ini.

(2) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai awam Perbendaharaan sebagai timbalan pendaftar perolehan Kerajaan dan pegawai pendaftaran sebagaimana yang perlu untuk membantu Pendaftar dalam melaksanakan kewajipan dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(3) Pelantikan Pendaftar di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(4) Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh memberikan arahan kepada Pendaftar, timbalan pendaftar dan pegawai pendaftaran mengenai perkara yang berhubungan dengan pendaftaran di bawah Akta ini.

(5) Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah mempunyai kuasa yang sama sebagaimana yang diperuntukkan kepada Pendaftar di bawah Akta ini.

### **Kewajipan dan kuasa Pendaftar**

**15.** Pendaftar hendaklah mempunyai kewajipan dan kuasa yang berikut:

- (a) untuk menasihati Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengenai semua perkara berhubungan dengan pendaftaran pembekal dan kontraktor di bawah Akta ini;
- (b) untuk melaksanakan dan menguatkuasakan dasar Kerajaan berhubungan dengan pendaftaran pembekal dan kontraktor di bawah Akta ini;
- (c) untuk bertanggungjawab bagi pemantauan dan penyiasatan terhadap pelanggaran dan ketidakpatuhan oleh orang berdaftar di bawah Akta ini;
- (d) untuk mentadbir pendaftaran dan pengiktirafan pembekal dan kontraktor dan menangani semua perkara yang berhubungan dengan pendaftaran di bawah Akta ini;
- (e) untuk mendaftarkan pembekal dan kontraktor dan menangani perkara yang berhubungan dengan pendaftaran di bawah Akta ini;

- (f) untuk mewujudkan dan menyenggara daftar pembekal dan kontraktor;
- (g) untuk mewujudkan dan menyenggara daftar pembekal dan kontraktor yang diiktiraf;
- (h) untuk mengambil tindakan mengikut Akta ini bagi apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan oleh orang berdaftar;
- (i) untuk mengutip fi yang ditetapkan; dan
- (j) untuk menjalankan semua aktiviti dan membuat semua perkara yang perlu atau berfaedah dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau bagi apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

### **Garis panduan dan arahan bertulis oleh Pendaftar**

**16.** (1) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan sebagaimana yang Pendaftar fikirkan perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan kewajipan dan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah dipatuhi oleh semua orang berdaftar.

(3) Pendaftar boleh mengeluarkan arahan bertulis yang difikirkannya perlu atau suai manfaat kepada mana-mana orang berdaftar bagi memastikan pematuhan apa-apa garis panduan atau apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan.

(4) Jika orang berdaftar tidak mematuhi mana-mana arahan bertulis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3), Pendaftar boleh mengambil satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang berdaftar yang mungkir itu untuk mematuhi atau melaksanakan arahan bertulis itu;
- (b) mengenakan penalti pentadbiran di bawah seksyen 85; atau
- (c) mencela orang berdaftar yang mungkir itu.

(5) Pendaftar tidak boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (4) tanpa memberikan orang berdaftar yang mungkir itu suatu peluang untuk didengari.

### **Kehendak untuk mendaftar**

**17.** Tiada mana-mana pembekal atau kontraktor boleh menyertai suatu perolehan Kerajaan melainkan jika dia didaftarkan di bawah Akta ini.

### **Permohonan bagi pendaftaran, dsb.**

**18.** (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran pembekal atau kontraktor hendaklah dibuat kepada Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(3) Pada bila-bila masa selepas menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Pendaftar boleh—

- (a) secara bertulis, menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar;
- (b) secara bertulis, menghendaki pemohon untuk mengemukakan suatu perisytiharan mengenai perkara yang berkaitan dengan permohonan itu; dan
- (c) melawat mana-mana tempat atau premis bagi maksud menentukan fakta dan jenis pembekalan, perkhidmatan atau kerja yang dinyatakan dalam mana-mana permohonan bagi suatu pendaftaran.

(4) Pendaftar boleh meluluskan sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) jika Pendaftar berpuas hati bahawa pemohon—

- (a) ialah orang yang layak dan sesuai;

(b) telah memenuhi semua kehendak di bawah Akta ini dan mematuhi semua prasyarat pendaftaran; dan

(c) telah membuat penzahiran kepentingan mengikut subseksyen 37(2),

dan hendaklah mengeluarkan suatu sijil pendaftaran dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(5) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Pendaftar fikirkan patut untuk dikenakan ke atas mana-mana pendaftaran.

(6) Pendaftar boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan syarat yang dikenakan ke atas sesuatu pendaftaran di bawah subseksyen (5).

(7) Suatu pendaftaran di bawah seksyen ini adalah sah bagi tempoh yang dinyatakan dalam sijil pendaftaran.

(8) Orang berdaftar boleh membuat permohonan untuk membaharui pendaftarannya dalam tempoh dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(9) Mana-mana permohonan bagi pembaharuan pendaftaran yang dibuat setahun selepas tarikh habis tempoh pendaftaran itu hendaklah diuruskan sebagai permohonan baharu bagi pendaftaran di bawah Akta ini.

(10) Seseorang yang pendaftarannya telah habis tempoh hendaklah dianggap sebagai tidak mempunyai pendaftaran yang sah bagi maksud seksyen 17.

(11) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Pendaftar fikirkan patut untuk dikenakan ke atas mana-mana pembaharuan pendaftaran.

(12) Pendaftar boleh pada bila-bila masa mengubah atau membatalkan syarat yang dikenakan ke atas sesuatu pembaharuan pendaftaran di bawah subseksyen (11).

(13) Jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat sesuatu pendaftaran, orang berdaftar hendaklah membuat permohonan kepada Pendaftar untuk meminda maklumat itu mengikut cara yang ditetapkan.

(14) Pendaftar boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Pendaftar fikirkan patut untuk dikenakan ke atas apa-apa pindaan yang diluluskan di bawah subseksyen (13).

(15) Pada bila-bila masa selepas didaftarkan di bawah subseksyen (4), orang berdaftar boleh memohon kepada Pendaftar bagi pengiktirafan berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Perbendaharaan.

(16) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) suatu permohonan di bawah seksyen ini boleh dibuat oleh pembekal atau kontraktor dalam kapasiti peribadinya atau oleh mana-mana orang bagi pihak suatu syarikat, perkongsian, koperasi atau badan profesional, dan termasuklah—
  - (i) dalam hal suatu syarikat, pengarah atau mana-mana orang yang mempunyai tanggungjawab utama dalam pengurusan syarikat itu;
  - (ii) dalam hal suatu perkongsian, semua pekongsi dalam perkongsian itu;
  - (iii) dalam hal suatu koperasi, pengarah atau mana-mana orang yang mempunyai tanggungjawab utama dalam pengurusan koperasi itu; dan
  - (iv) mana-mana orang lain yang dinamakan dalam permohonan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta ini;
- (b) “badan profesional” ertinya mana-mana badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud mengawal selia suatu profesion dan kelayakannya atau mana-mana badan lain yang diiktiraf oleh Kerajaan.

**Alasan bagi penolakan pendaftaran, dsb.**

**19.** Pendaftar hendaklah menolak sesuatu permohonan bagi pendaftaran atau pembaharuan atau pindaan pendaftaran di bawah seksyen 18 atas mana-mana alasan yang berikut:

- (a) pemohon telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) pemohon telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] atau dengan suatu kesalahan yang berhubungan dengan rasuah di bawah mana-mana undang-undang di luar Malaysia;
- (c) pemohon merupakan salah seorang dalam suatu dapatan pelanggaran suatu larangan yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712];
- (d) pemohon telah disabitkan dengan suatu kesalahan dan namanya telah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7];
- (e) pemohon, dalam hal seseorang individu, merupakan seorang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
- (f) pemohon, dalam hal suatu syarikat—
  - (i) sedang digulung atau selainnya dibubarkan;
  - (ii) telah terhadapnya pelaksanaan berkenaan dengan suatu hutang penghakiman dikembalikan tanpa dijelaskan keseluruhannya atau sebahagiannya;
  - (iii) telah dilantik baginya seorang penerima, penerima dan pengurus, atau orang yang setaraf dengannya di dalam atau di luar Malaysia, atau berkenaan dengan mana-mana harta pemohon itu; dan
  - (iv) telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, membuat suatu kompromi atau skim perkiraan dengan pemiutangnya, yang merupakan suatu kompromi atau skim perkiraan yang masih berkuat kuasa.

**Pendaftaran disifatkan terbatal**

**20.** Pendaftaran hendaklah disifatkan telah dibatalkan—

- (a) dalam hal seseorang individu, jika orang berdaftar itu telah mati atau telah menjadi seorang bankrap yang belum dilepaskan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) dalam hal suatu syarikat, jika orang berdaftar itu—
  - (i) telah digulung atau selainnya dibubarkan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; atau
  - (ii) telah dipotong namanya daripada daftar menurut Akta Syarikat Labuan 1990 atau Akta Syarikat 2016, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) dalam hal suatu koperasi, atas pembatalan pendaftaran koperasi tersebut menurut Akta Koperasi 1993.

**Penggantungan dan pembatalan pendaftaran**

**21.** (1) Pendaftar boleh menggantung suatu pendaftaran yang diberikan di bawah subseksyen 18(4) jika—

- (a) orang berdaftar telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau tidak mematuhi mana-mana arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini, dan tindakan telah diambil di bawah seksyen 85;
- (b) orang berdaftar telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau dengan suatu kesalahan yang berhubungan dengan rasuah di bawah mana-mana undang-undang di luar Malaysia;
- (c) orang berdaftar merupakan salah seorang dalam suatu dapatan pelanggaran suatu larangan yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010;

- (d) terdapat ketidakpatuhan mana-mana garis panduan atau arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau pelanggara mana-mana syarat pendaftaran, oleh orang berdaftar, dan tindakan telah diambil oleh Pendaftar mengikut subseksyen 16(4); atau
- (e) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh orang berdaftar adalah palsu atau mengelirukan dalam butir-butir material.

(2) Penggantungan pendaftaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat—

- (a) bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun dan Pendaftar boleh pada bila-bila masa melanjutkan atau membatalkan pengantungan itu mengikut Akta ini; atau
- (b) bagi satu atau lebih kod bidang yang telah diberikan dalam suatu pendaftaran.

(3) Pendaftar boleh membatalkan suatu pendaftaran—

- (a) atas mana-mana alasan di bawah seksyen 19; atau
- (b) jika orang berdaftar atau mana-mana orang yang dinamakan dalam pendaftaran orang berdaftar tersebut mempunyai kepentingan dalam orang berdaftar lain yang dia berkewajipan untuk menzahirkan di bawah subseksyen 37(2).

(4) Dalam hal sesuatu Negeri, Pendaftar boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran seseorang orang berdaftar atas syor pihak berkuasa kewangan Negeri bagi ketidakpatuhan yang terbukti apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan Negeri.

(5) Pendaftar tidak boleh menggantung atau membatalkan mana-mana pendaftaran tanpa memberikan orang berdaftar itu suatu peluang untuk didengari.

(6) Jika suatu pendaftaran dibatalkan, semua fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.

**Larangan mengenai pendaftaran**

**22.** Mana-mana orang berdaftar yang pendaftarannya telah digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 21 adalah dilarang daripada mendaftar atau menyertai suatu pendaftaran baharu dan larangan ini hendaklah termasuk—

- (a) tiap-tiap orang yang dinamakan dalam pendaftaran yang telah digantung atau dibatalkan itu;
- (b) dalam hal suatu syarikat—
  - (i) pengarah dan mana-mana orang yang memegang tanggungjawab utama dalam pengurusan syarikat; dan
  - (ii) mana-mana pemunya benefisial orang berdaftar;
- (c) dalam hal suatu perkongsian, semua pekongsi dalam perkongsian itu; dan
- (d) dalam hal suatu koperasi, pengarah dan mana-mana orang yang memegang tanggungjawab utama dalam pengurusan koperasi.

**Kesan penggantungan dan pembatalan**

**23.** (1) Orang yang pendaftarannya telah digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 21 hendaklah terus—

- (a) tertakluk kepada Akta ini pada takat yang sama seolah-olah pendaftarannya tidak digantung atau dibatalkan; dan
- (b) menunaikan obligasinya, sehingga Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pendaftar berpuas hati bahawa orang yang pendaftarannya telah digantung atau dibatalkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah menunaikan obligasinya atau membuat perkiraan yang mencukupi untuk menunaikan obligasinya, yang belum selesai pada masa penggantungan atau pembatalan pendaftarannya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Suatu penggantungan atau pembatalan di bawah seksyen 21 tidak berkuat kuasa untuk—

- (a) mengelak atau menjejaskan mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi yang dibuat oleh orang yang pendaftarannya telah digantung atau dibatalkan dengan mana-mana orang; atau
- (b) menjejaskan apa-apa hak, obligasi atau liabiliti yang berbangkit di bawah mana-mana perjanjian, perkiraan atau transaksi itu.

### **Pengecualian daripada pendaftaran**

**24.** (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Pendaftar, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada kehendak untuk mendaftar di bawah seksyen 17 tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa, atas syor Pendaftar, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika Menteri berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi diperlukan.

### **Kuasa untuk menyiarkan maklumat**

**25.** Jika Pendaftar fikirkan perlu atau suai manfaat demi kepentingan awam, Pendaftar boleh menyiarkan apa-apa maklumat dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar berhubung dengan—

- (a) kelulusan, peluputan, pembaharuan, penggantungan atau pembatalan pendaftaran atau larangan mengenai atau pengecualian daripada pendaftaran di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa maklumat berkenaan pemilik, pemegang syer, pengarah, pekongsi atau mana-mana orang yang dinamakan dalam suatu pendaftaran, termasuk apa-apa penzahiran kepentingan oleh orang berdaftar atau orang yang dinamakan dalam pendaftaran dalam mana-mana orang berdaftar lain;

- (c) apa-apa syarat yang dikenakan; dan
- (d) apa-apa tindakan yang diambil oleh Pendaftar atau Ketua Setiausaha Perbendaharaan di bawah Akta ini.

**Kajian semula keputusan Pendaftar bagi penggantungan, pembatalan dan larangan**

**26.** Mana-mana orang atau orang berdaftar yang terkilang dengan keputusan Pendaftar di bawah Bahagian ini boleh, dalam masa empat belas hari selepas orang berdaftar itu telah diberitahu mengenai keputusan itu, memohon secara bertulis kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk kajian semula keputusan itu.

**Larangan mengenai pendaftaran dalam kod bidang yang sama**

**27.** (1) Melainkan jika dengan kelulusan Pendaftar terlebih dahulu, tiada orang berdaftar boleh didaftarkan dalam kod bidang yang sama.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “orang berdaftar” termasuklah—

- (i) mana-mana pekerjanya;
- (ii) mana-mana pemunya benefisial orang berdaftar;
- (iii) mana-mana orang berkepentingan yang orang berdaftar berkewajipan untuk menzahirkan di bawah subseksyen 37(2); atau
- (iv) mana-mana orang atau kumpulan orang yang bertindak bersama-sama orang berdaftar bagi maksud pendaftaran di bawah Bahagian ini dalam kod bidang yang sama;

(b) “kod bidang” ertinya kategori pembekalan barangan dan perkhidmatan atau apa-apa pengkhususan bagi kerja sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN V

PENJALANAN PEROLEHAN

**Perolehan terbuka dan berdaya saing**

**28.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, kaedah perolehan terbuka dan berdaya saing hendaklah menjadi kaedah utama dalam menjalankan perolehan Kerajaan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh menetapkan kaedah selain daripada kaedah perolehan terbuka dan berdaya saing mengambil kira objektif Akta ini.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “kaedah perolehan terbuka dan berdaya saing” ertinya kaedah perolehan apabila semua orang berdaftar boleh mengambil bahagian.

**Dasar dan langkah-langkah khusus dalam perolehan Kerajaan**

**29.** Walau apa pun peruntukan Akta ini, Menteri atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, jika dia mempertimbangkannya demi kepentingan negara atau Negeri untuk berbuat sedemikian, melaksanakan apa-apa dasar atau langkah-langkah dalam perolehan Kerajaan bagi mendorong, menggalakkan, merangsang atau memudahkan pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar di Malaysia atau mana-mana Negeri tertentu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**Tatacara khusus semasa tempoh keterdesakan**

**30.** Menteri boleh menetapkan tatacara bagi apa-apa perolehan Kerajaan semasa tempoh keterdesakan yang menghendaki tindakan serta-merta demi kepentingan ketenteraman, kesihatan atau keselamatan awam.

**Peruntukan bagi pelaksanaan obligasi antarabangsa**

**31.** Menteri boleh menetapkan kaedah dan tatacara bagi perolehan Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki atau perlu bagi melaksanakan obligasi yang berbangkit daripada perjanjian antarabangsa yang kepadanya Malaysia menjadi suatu pihak.

**Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam**

**32.** (1) Suatu entiti perolehan boleh mengeluarkan Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam untuk mengisytiharkan mana-mana perolehan Kerajaan dalam bidang kuasanya sebagai penting oleh sebab kepentingan awam dan tidak boleh dilengahkan atau digantung oleh apa-apa bantahan atau rayuan di bawah Akta ini.

(2) Menteri boleh menetapkan syarat dan tatacara bagi pengeluaran Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam di bawah seksyen ini.

**Kontrak perolehan Kerajaan**

**33.** Suatu kontrak perolehan Kerajaan antara entiti perolehan dengan orang berdaftar hendaklah dibuat mengikut bentuk dan cara dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

**Pentadbiran kontrak perolehan Kerajaan**

**34.** Cara penyelesaian pertikaian berhubung dengan pentadbiran kontrak perolehan Kerajaan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

**Larangan mengenai pemindahan, dsb., pemberian atau kontrak perolehan Kerajaan**

**35.** (1) Tiada mana-mana orang berdaftar boleh memindahkan, menyerahkan atau membuat novasi dalam apa-apa cara suatu pemberian atau kontrak yang diawardkan di bawah Akta ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau apa-apa kepentingan dalam suatu pemberian atau kontrak yang diawardkan di bawah Akta ini kepada mana-mana orang dalam apa-apa cara tanpa kelulusan pegawai pengawal yang bertanggungjawab bagi perolehan Kerajaan itu terlebih dahulu.

(2) Mana-mana orang berdaftar yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada tiga kali nilai pemberian atau kontrak yang diawardkan di bawah Akta ini atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **Sistem berkomputer bagi pentadbiran perolehan Kerajaan**

**36.** Menteri boleh menetapkan penggunaan apa-apa sistem berkomputer bagi pentadbiran dan perjalanan perolehan Kerajaan di bawah Akta ini.

## **BAHAGIAN VI**

### **INTEGRITI DAN PELAPORAN**

#### **Kewajipan untuk menzahirkan kepentingan**

**37.** (1) Mana-mana orang yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan perolehan Kerajaan yang mempunyai apa-apa kepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan sendirinya, anggota keluarganya atau sekutunya dalam apa-apa perkara dalam suatu perolehan Kerajaan hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingannya termasuk mana-mana pemunyaan benefisial.

(2) Mana-mana orang yang membuat suatu permohonan bagi pendaftaran atau mana-mana orang berdaftar yang membuat permohonan bagi pembaharuan atau pindaan suatu pendaftaran di bawah seksyen 18 hendaklah menzahirkan kepada Pendaftar—

- (a) apa-apa kepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan sendirinya, anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan mana-mana orang berdaftar yang lain atau orang yang memohon suatu pendaftaran di bawah seksyen 18; dan
- (b) pemunya benefisial kepada mana-mana orang yang membuat permohonan atau mana-mana orang berdaftar tersebut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Obligasi di bawah subseksyen (2) hendaklah diperluas kepada—

- (a) dalam hal suatu syarikat, pengarah, pemegang syer dan pengurusan kanan syarikat;
- (b) dalam hal suatu perkongsian, semua pekongsi dalam perkongsian itu; dan
- (c) dalam hal suatu koperasi, mana-mana orang yang memegang tanggungjawab utama dalam pengurusan koperasi.

(4) Mana-mana orang berdaftar yang menyertai atau berniat untuk menyertai suatu perolehan Kerajaan di bawah Akta ini hendaklah menzahirkan kepada entiti perolehan yang bertanggungjawab bagi perolehan Kerajaan itu—

- (a) mana-mana pemunya benefisial orang berdaftar itu; dan
- (b) apa-apa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan sendirinya, anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan—
  - (i) mana-mana orang berdaftar yang lain, sama ada atau tidak orang berdaftar yang lain itu menyertai atau berniat untuk menyertai perolehan Kerajaan tersebut; dan
  - (ii) mana-mana orang di bawah bidang kuasa entiti perolehan yang terlibat dalam penjalanan perolehan Kerajaan tersebut.

(5) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus dan lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang, ahli lembaga perolehan atau ahli jawatankuasa perolehan, termasuklah—
  - (i) suami atau isterinya;

- (ii) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
  - (iii) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tiri;
  - (iv) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
  - (v) suami atau isteri anaknya, atau adik-beradiknya;
- (b) “sekutu”, berhubung dengan seseorang, ahli lembaga perolehan atau ahli jawatankuasa perolehan, ertinya—
- (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu;
  - (ii) firma yang seseorang itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
  - (iii) pekongsi kepada seseorang itu;
  - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya seseorang itu atau seorang anggota keluarganya ialah seorang benefisiari;
  - (v) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat Labuan 1990 atau Akta Syarikat 2016, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang seseorang itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer substansial; atau
  - (vi) dalam hal suatu koperasi, termasuklah mana-mana orang yang memegang tanggungjawab utama dalam pengurusan koperasi itu.

### **Larangan terhadap campur tangan dalam perolehan Kerajaan**

**38.** (1) Tiada seorang pun boleh, secara langsung atau tidak langsung, campur tangan dalam atau, secara intimidasi, pengaruh tidak wajar atau dengan apa-apa cara lain mengganggu, suatu

perolehan aktif yang boleh atau berkemungkinan boleh menjadi bercanggah dengan proses perolehan di bawah Akta ini atau apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “perolehan aktif” ertinya suatu tempoh dari tarikh kelulusan untuk memulakan perolehan Kerajaan diberikan oleh pegawai pengawal sehingga tarikh surat setuju terima telah ditandatangani oleh pihak-pihak;
- (b) “surat setuju terima” ertinya suatu surat rasmi yang dikeluarkan oleh entiti perolehan yang memaklumkan penyetujuteraan tanpa syarat oleh Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh orang berdaftar yang berjaya.

## BAHAGIAN VII

### PEMANTAUAN PEMATUHAN

#### **Pemantauan pematuhan dan kuasa penyeliaan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan pihak berkuasa kewangan Negeri**

**39.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai kuasa am untuk memantau pematuhan Akta ini dan apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Ketua Setiausaha Perbendaharaan hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk menjalankan kajian semula dan pemeriksaan ke atas apa-apa tatacara perolehan Kerajaan oleh mana-mana entiti perolehan di bawah bidang kuasanya;

- (b) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas mana-mana orang berdaftar berhubung dengan mana-mana perolehan Kerajaan;
- (c) untuk menjalankan siasatan ke atas apa-apa aduan atau bantahan terhadap mana-mana entiti perolehan;
- (d) untuk mengkaji semula pentadbiran aduan dan bantahan oleh mana-mana entiti perolehan; dan
- (e) untuk melakukan apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini dan apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa kewangan Negeri hendaklah mempunyai kuasa di bawah perenggan (2)(a), (c), (d) dan (e).

(4) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai awam Perbendaharaan atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai pegawai pemantauan dengan kuasa untuk memantau pematuhan di bawah Bahagian ini.

### **Pemantauan pematuhan oleh pegawai pengawal**

**40.** (1) Seseorang pegawai pengawal hendaklah bertanggungjawab—

- (a) untuk menyelia pegawai perolehan di bawah penyeliaannya dan memastikan pematuhan mereka kepada Akta ini dan apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (b) untuk melaksanakan dan mentadbir tatacara aduan yang ditetapkan dan mengkaji semula mana-mana aduan terhadap entiti perolehan di bawah bidang kuasanya;

(c) untuk menjalankan apa-apa aktiviti dan membuat apa-apa perkara yang perlu atau berfaedah dan patut bagi pentadbiran Akta ini, atau bagi apa-apa maksud lain yang selaras dengan Akta ini sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seseorang pegawai pengawal boleh menyatakan takat mana tanggungjawab yang dikenakan ke atasnya di bawah seksyen ini boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai awam di bawah bidang kuasanya dan memberi apa-apa arahan sebagaimana yang perlu untuk memastikan perjalanan atau pelaksanaan tanggungjawab tersebut dengan sepatutnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), seseorang pegawai pengawal hendaklah bertanggungjawab bagi tanggungjawabnya di bawah subseksyen (1).

### **Kuasa untuk menghendaki maklumat**

**41.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana pegawai pemantauan boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan perolehan Kerajaan untuk memberikan apa-apa penjelasan, maklumat, dokumen atau rekod yang berhubungan dengan perolehan Kerajaan yang ditadbir, dijalankan atau dilaksanakan dalam tempoh dan dalam bentuk dan cara yang dinyatakan dalam notis secara bertulis itu.

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki untuk memberikan penjelasan, maklumat, dokumen atau rekod di bawah subseksyen (1) hendaklah memastikan bahawa penjelasan, maklumat, dokumen atau rekod yang diberikan adalah benar, tepat dan lengkap dan orang itu hendaklah memberikan suatu representasi nyata yang bermaksud sedemikian, termasuk suatu perisytiharan bahawa dia tidak tahu tentang apa-apa maklumat lain yang mungkin dapat menjadikan penjelasan, maklumat, dokumen atau rekod yang diberikan itu palsu atau mengelirukan.

### **Kuasa untuk menghendaki laporan penilaian pematuhan**

**42.** Bagi maksud melaksanakan kuasanya di bawah Bahagian ini, Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, sama ada secara am atau bagi suatu perolehan Kerajaan tertentu, menghendaki seseorang pegawai pengawal untuk mengemukakan suatu laporan penilaian pematuhan yang hendaklah mengandungi maklumat yang berhubungan dengan pematuhan kepada Akta ini dan apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini oleh entiti perolehan di bawah seliaannya.

### **Tindakan berdasarkan dapatan laporan penilaian pematuhan**

**43.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, selepas menerima laporan penilaian pematuhan yang dikemukakan di bawah seksyen 42, mengkaji semula dan menilai laporan itu dan merekodkan dapatannya.

(2) Jika Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpuas hati bahawa, berdasarkan dapatannya, terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu ketidakpatuhan atau pelanggaran Akta ini telah atau mungkin telah berlaku, tindakan yang berikut boleh diambil:

- (a) dalam hal suatu ketidakpatuhan mana-mana arahan, pekeliling atau garis panduan oleh mana-mana pegawai pengawal atau pegawai perolehan, Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesyorkan tindakan terhadap pegawai tersebut mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan yang berhubungan dengan perkhidmatan awam; atau
- (b) dalam hal suatu pelanggaran Akta ini, Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menyiasat kesalahan-kesalahan dan mengambil tindakan mengikut Akta ini.

**Kewajipan untuk melaporkan kepada agensi penguatkuasaan**

**44.** (1) Mana-mana orang yang mentadbir, menjalankan atau melaksanakan apa-apa perolehan Kerajaan hendaklah melaporkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan sekiranya orang itu menyedari pelakuan apa-apa kesalahan yang berhubungan dengan rasuah, persaingan atau apa-apa kesalahan lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), adalah mencukupi bagi seorang pegawai perolehan untuk melaporkan secara bertulis kepada pegawai pengawalnya.

**BAHAGIAN VIII****PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN****Pemberikuasaan pegawai awam**

**45.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, secara bertulis, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai awam di bawah bidang kuasanya untuk menjalankan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta ini berkenaan dengan perolehan Kerajaan.

(2) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap pegawai diberi kuasa suatu kad kuasa yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Bilamana pegawai diberi kuasa itu menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah apabila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (2).

**Kuasa penyiasatan**

**46.** Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan apabila menerima apa-apa aduan atau laporan, atau atas apa-apa

ketidakpatuhan di bawah Akta ini atau syak bahawa mana-mana kesalahan telah dilakukan berhubung dengan perolehan Kerajaan di bawah Akta ini.

### **Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**47.** (1) Jika ternyata pada seseorang Majistret, berdasarkan maklumat bertulis dengan bersumpah daripada seseorang pegawai diberi kuasa dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) terdapat di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu untuk menjalankan suatu penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan berhubung dengan mana-mana perolehan Kerajaan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai diberi kuasa yang dinamakan dalam waran itu, untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam, dan dengan atau tanpa bantuan, dan jika perlu secara paksa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu waran yang dikeluarkan oleh Majistret boleh memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk—

- (a) menggeledah dan menyita apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat, yang mengandungi atau dengan munasabahnya dipercayai mengandungi maklumat atau dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu;
- (b) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain; dan
- (c) mengambil sampel apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah subseksyen (1) boleh, bagi maksud menyasat kesalahan itu, memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di premis itu.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang membuat pemeriksaan terhadap seseorang di bawah subseksyen (3) boleh menyita, atau mengambil milikan, dan menyimpan dalam jagaan selamat semua benda, selain pakaian yang perlu, yang dijumpai pada orang itu, dan apa-apa benda lain, yang baginya ada sebab untuk mempercayai bahawa benda itu merupakan peralatan atau keterangan lain bagi kesalahan itu, dan benda itu boleh ditahan sehingga orang itu dilepaskan atau dibebaskan.

(5) Tiada seorang pun boleh diperiksa kecuali oleh seseorang lain yang sama jantina, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan penuh kesopanan.

(6) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita di bawah seksyen ini, pegawai diberi kuasa yang membuat penyitaan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu di dalam premis atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

(7) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengusik atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (6) atau memindahkan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**48.** Jika seseorang pegawai diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 47,

penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai diberi kuasa itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 47 dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Waran boleh diterima walaupun cacat**

**49.** Suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah Akta ini adalah sah dan boleh dikuatkuasakan walau apa pun apa-apa kecacatan, kesilapan atau peninggalan dalam waran geledah itu atau dalam permohonan bagi waran itu dan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita di bawah waran itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini.

### **Akses kepada data berkomputer**

**50.** (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberikan akses kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, pegawai diberi kuasa hendaklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

### **Senarai benda yang disita**

**51.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat disita di bawah Bahagian ini, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu hendaklah dengan secepat yang dapat

dilaksanakan menyediakan senarai rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu dan dengan segera menyerahkan salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah itu, atau kepada ejen atau pekhidmatnya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu hendaklah di mana-mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

### **Pelepasan benda yang disita**

**52.** (1) Jika apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat telah disita di bawah Akta ini, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu, boleh pada bila-bila masa selepas itu melepaskan rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu kepada orang yang ditentukan olehnya sebagai berhak secara sah kepada rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu jika dia berpuas hati bahawa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu tidak boleh dilucuthakkan di bawah Akta ini dan tidak dikehendaki selainnya bagi maksud mana-mana prosiding di bawah Akta ini, atau bagi maksud apa-apa pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan dalam hal sedemikian, pegawai diberi kuasa yang melakukan penyitaan itu, Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan, tidak boleh dikenakan apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu telah dibuat dengan suci hati.

(2) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh pegawai diberi kuasa yang melakukan pelepasan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan, dan sebab bagi, pelepasan itu, dan dia hendaklah menghantar salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dalam masa tujuh hari daripada pelepasan itu.

### **Pelucuthakan benda yang disita**

**53.** (1) Apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita hendaklah dibuat jika dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita di bawah Akta ini, rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu hendaklah dikira dan disifatkan terlucut hak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis kepada alamat terakhir orang yang daripadanya rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu yang telah disita yang menyatakan bahawa tidak ada pendakwaan berkenaan dengan rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau

benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu melainkan jika sebelum habis tempoh itu suatu tuntutan dibuat mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7).

(4) Mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disebut dalam subseksyen (3) dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan, boleh, secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada pegawai diberi kuasa yang dalam milikannya rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu dipegang bahawa dia menuntut rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang akan dilucuthakkan itu.

(5) Apabila menerima notis yang disebut dalam subseksyen (4), pegawai diberi kuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada seorang Majistret bagi keputusannya.

(6) Seorang Majistret yang kepadanya perkara itu dirujuk di bawah subseksyen (5) hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang hendak dilucuthakkan itu dan orang yang daripadanya benda yang hendak dilucuthakkan itu disita supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau gagal untuk hadir, selepas dibuktikan bahawa saman itu telah disampaikan dengan sewajarnya, Majistret itu hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu.

(7) Jika dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disebut dalam subseksyen (6) merupakan hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, Majistret hendaklah memerintahkan supaya rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda

yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat itu dilucuthakkan, dan hendaklah, jika tidak dibuktikan sedemikian, memerintahkan supaya benda itu dilepaskan.

(8) Apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang dilucuthakkan atau disifatkan telah dilucuthakkan hendaklah diserahkan kepada pegawai diberi kuasa dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang pegawai diberi kuasa fikirkan patut.

### **Hak harta mengenai benda yang dilucuthakkan**

**54.** Apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat, yang dilucuthakkan atau disifatkan terlucut hak di bawah Akta ini hendaklah menjadi harta Kerajaan Persekutuan.

### **Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

**55.** Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita dalam menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**56.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui arahan secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada pendapat pegawai diberi kuasa itu mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki.

(2) Jika mana-mana orang sedemikian enggan atau tidak hadir sebagaimana yang dikehendaki oleh suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), pegawai diberi kuasa itu boleh melaporkan keengganan atau ketidakhadiran itu kepada Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

### **Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes**

**57.** (1) Seorang pegawai diberi kuasa yang membuat suatu penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dikatakan mempunyai pengetahuan fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai diberi kuasa itu, tetapi orang itu boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu atau tidak.

(4) Pegawai diberi kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa yang dalamnya pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang ingin dibuat olehnya.

**Kebolehterimaan pernyataan sebagai keterangan**

**58.** (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan atau tidak atau sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis, dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh dan sama ada dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak dan sama ada atau tidak ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan atau tidak, oleh orang itu kepada atau dengan didengar oleh seorang pegawai diberi kuasa dan sama ada diterjemahkan kepadanya atau tidak oleh seorang pegawai lain atau orang lain, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai seorang saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolepercayaannya.

(2) Tiada pernyataan di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan —

(a) jika pembuatan pernyataan itu pada hemat mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada seseorang yang berkuasa dan cukup, pada pendapat mahkamah, untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk mengandaikan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa kelebihan atau mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkenaan dengan prosiding terhadapnya; atau

(b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa dia telah diberi amaran dengan perkataan seperti yang berikut atau perkataan yang mempunyai maksud yang sama:

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberikan amaran kepada kamu bahawa kamu tidak diwajibkan untuk menyatakan apa-apa atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang kamu nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada kesempatan untuk memberikan amaran kepadanya tidak boleh menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan hanya semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika dia diberi amaran secepat yang dapat dilaksanakan selepas itu.

(4) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubung dengan kes itu selepas apa-apa amaran yang disebut dalam perenggan (2)(b) telah diberikan kepadanya.

## Galangan

### 59. Mana-mana orang yang—

- (a) mengamang, melengahkan, merintang, menghalang atau menggagalkan seseorang pegawai diberi kuasa dalam membuat apa-apa kemasukan yang pegawai diberi kuasa itu berhak membuatnya di bawah Akta ini atau dalam melaksanakan apa-apa kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan oleh Akta ini;
- (b) memecahkan apa-apa lak yang telah dipasang oleh seseorang pegawai diberi kuasa di mana-mana premis atau tempat;
- (c) tidak mematuhi apa-apa tuntutan sah oleh seseorang pegawai diberi kuasa dalam pelaksanaan kuasa dan kewajipannya di bawah Akta ini;
- (d) tidak, enggan atau abai untuk memberi apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang dikehendaki dengan munasabah oleh seseorang pegawai diberi kuasa;
- (e) tanpa alasan yang munasabah tidak menunjukkan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang dikehendaki oleh seseorang pegawai diberi kuasa; atau

- (f) memberikan apa-apa maklumat, keterangan atau dokumen yang dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, sebagai respons kepada suatu arahan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai diberi kuasa,

melakukan suatu kesalahan.

### **Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod**

**60.** Mana-mana orang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau
- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk memindahkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia,

apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pendaftar atau mana-mana entiti perolehan, atau untuk menyekat, melengahkan atau menggalang perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan apa-apa kuasa oleh Perbendaharaan atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau Pendaftar di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

## **BAHAGIAN IX**

### **ADUAN, BANTAHAN DAN KAJIAN SEMULA**

#### **Pentadbiran aduan, bantahan dan kajian semula**

**61.** (1) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan mana-mana perolehan Kerajaan secara am boleh mengemukakan aduan kepada entiti perolehan.

(2) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan mana-mana perolehan Kerajaan yang melebihi suatu nilai ambang kelulusan tertentu yang ditentukan oleh Menteri boleh mengemukakan bantahan kepada entiti perolehan.

(3) Mana-mana orang yang telah mengemukakan bantahan di bawah subseksyen (2) dan tidak berpuas hati dengan keputusan entiti perolehan boleh mengemukakan keputusan tersebut untuk kajian semula oleh panel kajian semula entiti perolehan itu.

(4) Keputusan oleh panel kajian semula hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada orang yang membuat bantahan itu dalam tempoh yang munasabah.

(5) Jika orang yang membuat bantahan itu tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh panel kajian semula di bawah subseksyen (4), orang itu boleh, dalam tempoh empat belas hari selepas tarikh keputusan itu, merayu kepada Tribunal Rayuan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, Menteri boleh menetapkan—

- (a) tatacara pentadbiran aduan berkenaan dengan perolehan Kerajaan secara am;
- (b) tatacara, hal perkara dan syarat bagi bantahan berkenaan dengan perolehan Kerajaan yang melebihi suatu nilai ambang kelulusan tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri;
- (c) orang yang dikehendaki untuk mentadbir aduan dan bantahan; dan
- (d) fi bagi aduan, bantahan dan kajian semula.

### **Penubuhan dan pentadbiran panel kajian semula**

**62.** Seseorang pegawai pengawal hendaklah menubuhkan dan mentadbir suatu panel kajian semula bagi maksud mengkaji semula bantahan mengenai perkara yang berhubungan dengan pentadbiran dan penjalanan perolehan Kerajaan yang dilaksanakan oleh entiti perolehan di bawah bidang kuasanya mengikut tatacara, hal perkara dan syarat yang ditetapkan.

BAHAGIAN X

TRIBUNAL RAYUAN PEROLEHAN KERAJAAN

**Penubuhan Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan**

**63.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Tribunal Rayuan Perolehan Kerajaan.

(2) Menteri hendaklah, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, melantik anggota Tribunal Rayuan seperti yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada dua Timbalan Pengerusi yang hendaklah dilantik dalam kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dengan tidak kurang daripada sepuluh tahun pengalaman; dan
- (b) tidak kurang daripada lima anggota dalam kalangan orang yang mempunyai integriti dan reputasi yang amat baik dengan pengalaman yang terbukti dan pengetahuan yang diiktiraf dalam—
  - (i) undang-undang;
  - (ii) kewangan atau perolehan;
  - (iii) kejuruteraan;
  - (iv) ekonomi atau perdagangan; atau
  - (v) pentadbiran awam.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (2), bagi maksud perenggan (b), tiada seorang pun boleh dilantik sebagai anggota Tribunal Rayuan jika—

- (a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan, di bawah mana-mana undang-undang, oleh suatu mahkamah di Malaysia;
- (b) dia merupakan salah seorang dalam dapatan pelanggaran suatu larangan yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010;

- (c) dia seorang bankrap atau tidak solven;
- (d) selain daripada pegawai awam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang dilantik di bawah perenggan 63(2)(a), dia merupakan seorang pegawai awam atau anggota pentadbiran;
- (e) dia merupakan seorang anggota Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan; atau
- (f) dia merupakan orang berdaftar atau mempunyai kepentingan dalam mana-mana orang berdaftar.

(4) Seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya, tetapi tidak boleh dilantik bagi lebih daripada dua tempoh berturut-turut.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

- (a) “kepentingan” termasuklah apa-apa kepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan sendirinya, anggota keluarganya atau sekutunya, dan mana-mana pemunya benefisialnya;
- (b) “anggota keluarganya” dan “sekutu” mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam perenggan 37(6)(a) dan 37(6)(b) masing-masing.

### **Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan**

**64.** (1) Pengerusi atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Tribunal Rayuan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* jika—

- (a) dia meletakkan jawatannya;
- (b) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis, oleh suatu mahkamah di Malaysia;

- (c) dia merupakan salah seorang dalam dapatan pelanggaran suatu larangan yang telah ditentukan oleh Suruhanjaya Persaingan di bawah Akta Persaingan 2010;
- (d) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Tribunal Rayuan atau selainnya, telah mencemarkan nama baik Tribunal Rayuan;
- (e) dia menjadi bankrap atau insolven;
- (f) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (g) dia menjadi seorang anggota Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan;
- (h) dalam hal suatu pelantikan di bawah perenggan 63(2)(b), dia menjadi seorang pegawai awam atau anggota pentadbiran;
- (i) dia telah melakukan salah laku yang serius berhubung dengan kewajipannya;
- (j) prestasinya adalah tidak memuaskan bagi suatu tempoh masa yang ketara; atau
- (k) dia tidak menjalankan obligasinya di bawah seksyen 73.

### **Pengosongan jawatan**

**65.** (1) Jawatan seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya sebelum habis tempoh yang baginya dia dilantik; atau
- (c) pelantikannya dibatalkan di bawah subseksyen 64(2).

(2) Menteri hendaklah melantik seseorang mengikut seksyen 63 untuk menggantikan Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain sepanjang kekosongan jawatan Pengerusi atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan itu.

(3) Menteri boleh melantik buat sementara waktu mana-mana orang dalam kalangan anggota Tribunal Rayuan mengikut seksyen 63 untuk bertindak sebagai Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang lain semasa apa-apa tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi atau anggota lain itu kosong;
- (b) Pengerusi atau mana-mana anggota lain tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi atau mana-mana anggota lain, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan kewajibannya.

(4) Penjalanan kuasa atau pelaksanaan fungsi Tribunal Rayuan tidak terjejas hanya kerana terdapat kekosongan dalam keanggotaan Tribunal Rayuan.

### **Keanggotaan dan kuorum**

**66.** (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan hendaklah didengar dan diputuskan oleh tiga anggota atau apa-apa bilangan ganjil yang lebih besar anggota Tribunal Rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Dalam menentukan kuorum di bawah subseksyen (1), Pengerusi hendaklah mengambil kira hal perkara suatu rayuan dan kepakaran anggota yang berkaitan.

### **Bidang kuasa**

**67.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan apa-apa rayuan mengenai perkara yang berhubungan dengan keputusan dan proses bagi keputusan suatu panel kajian semula.

(2) Tribunal Rayuan tidak mempunyai bidang kuasa dalam perkara—

- (a) yang berhubungan dengan pelanggaran Akta ini;
- (b) yang berhubungan dengan penyiasatan dan penguatkuasaan di bawah Bahagian VIII;
- (c) yang berhubungan dengan apa-apa keputusan yang dibuat berhubung dengan penyelesaian pertikaian bagi kontrak perolehan Kerajaan di bawah Akta ini;
- (d) yang berbangkit selepas suatu surat setuju terima dikeluarkan oleh suatu entiti perolehan kepada orang berdaftar dan surat setuju terima itu telah ditandatangani oleh pihak-pihak;
- (e) yang berhubungan dengan apa-apa rahsia perdagangan atau hak harta intelek;
- (f) jika suatu tribunal telah ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk mendengar dan menentukan sesuatu tuntutan; dan
- (g) yang berhubungan dengan apa-apa bantahan yang masih belum diputuskan oleh suatu panel kajian semula.

### **Rayuan kepada Tribunal Rayuan**

**68.** (1) Seseorang yang terkilan atau yang kepentingannya terjejas dengan keputusan suatu panel kajian semula di bawah seksyen 61 boleh merayu kepada Tribunal Rayuan dengan memfailkan suatu notis rayuan kepada Tribunal Rayuan.

(2) Notis rayuan hendaklah dibuat secara bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan panel kajian semula dan perayu hendaklah memberi suatu salinan notis itu kepada panel kajian semula yang berkaitan.

(3) Notis rayuan itu hendaklah menyatakan secara ringkas kandungan keputusan panel kajian semula yang dirayukan, mengandungi suatu alamat di mana apa-apa notis atau dokumen

yang berkaitan dengan rayuan itu boleh disampaikan kepada perayu itu atau ke atas peguam belanya, dan ditandatangani oleh perayu itu atau peguam belanya.

### **Perintah penggantungan terhadap perolehan Kerajaan**

**69.** (1) Seseorang perayu boleh, pada bila-bila masa selepas perayu telah menyerahkan simpan notis rayuan dengan Setiausaha Tribunal Rayuan, membayar apa-apa fi dan deposit yang ditetapkan dan menyampaikan notis rayuan kepada panel kajian semula yang berkaitan, membuat suatu permohonan kepada Tribunal Rayuan bagi suatu perintah untuk menggantung—

(a) tatacara yang membawa kepada award kontrak perolehan Kerajaan yang menjadi hal perkara rayuan itu; atau

(a) pelaksanaan mana-mana keputusan yang dibuat sewaktu menjalankan tatacara yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari daripada pemfailan notis rayuan dan disokong dengan afidavit yang menyatakan alasan munasabah bagi perintah itu.

(3) Perayu hendaklah memberikan sesalinan permohonan di bawah subseksyen (1) bersama-sama afidavit sokongan kepada entiti perolehan tanpa kelengahan yang tidak perlu.

(4) Entiti perolehan boleh memfailkan afidavit kepada Tribunal Rayuan dengan menyatakan sebab untuk tidak membuat perintah untuk menggantung suatu perolehan Kerajaan, termasuk alasan kepentingan awam dengan disokong oleh Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam yang dikeluarkan di bawah seksyen 32.

(5) Tribunal Rayuan, selepas menimbang afidavit perayu dan entiti perolehan, boleh menolak permintaan perayu atau membuat suatu perintah untuk menggantung perolehan Kerajaan itu, sama ada tanpa syarat atau mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Tribunal Rayuan.

(6) Tribunal Rayuan hendaklah tidak membuat suatu perintah di bawah seksyen ini jika—

- (a) penggantungan itu adalah bertentangan dengan kepentingan awam; atau
- (b) kontrak yang disebut di bawah perenggan (1)(a) telah diawardkan pada tarikh pendengaran permohonan bagi perintah itu.

(7) Jika Tribunal Rayuan menolak untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen ini, Tribunal Rayuan hendaklah memberi alasan penolakannya secara bertulis.

### **Penyingkiran bidang kuasa mahkamah**

**70.** (1) Jika suatu rayuan dibuat kepada Tribunal Rayuan dan rayuan itu adalah dalam bidang kuasanya, isu yang dipertikaikan dalam rayuan itu, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam rayuan yang mula-mula atau sebagaimana yang timbul dalam perjalanan pendengaran itu, tidak boleh menjadi hal prosiding antara pihak yang sama dalam mana-mana mahkamah melainkan jika—

- (a) prosiding di hadapan mahkamah itu telah dimulakan sebelum rayuan itu dibuat kepada Tribunal Rayuan; atau
- (b) rayuan di hadapan Tribunal Rayuan telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

(2) Jika perenggan (1)(a) terpakai, isu yang dipertikaikan dalam tuntutan yang prosiding itu berkaitan, sama ada sebagaimana yang ditunjukkan dalam tuntutan yang mula-mula atau yang timbul dalam perjalanan pendengaran itu, tidak boleh menjadi hal prosiding antara pihak yang sama di hadapan Tribunal Rayuan melainkan jika tuntutan di hadapan mahkamah itu ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

**Kuasa Tribunal Rayuan**

**71.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk memanggil pihak-pihak ke prosidingnya atau mana-mana orang lain supaya hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan berkenaan dengan sesuatu rayuan;
- (b) untuk mendapatkan dan menerima keterangan secara bersumpah atau ikrar, sama ada bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sedemikian sebagai saksi sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan untuk didapatkan, diterima atau diperiksa;
- (c) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk menghendaki pengemukaan apa-apa rekod, buku, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan bagi maksud rayuan itu;
- (d) untuk mengendalikan apa-apa sumpah, ikrar atau akuan berkanun, mengikut kehendak keadaan;
- (e) jika seseorang dipanggil sedemikian, untuk membenarkan pembayaran apa-apa perbelanjaan yang munasabah yang dilakukan berkaitan dengan kehadirannya;
- (f) untuk menerima keterangan atau menolak keterangan yang dikemukakan, sama ada secara bertulis atau lisan, dan sama ada boleh diterima atau tidak boleh diterima di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan kebolehterimaan keterangan;
- (g) untuk menerima keterangan daripada pakar; dan
- (h) untuk secara amnya mengarahkan dan melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi mempercepat keputusan rayuan.

(2) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa mahkamah rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] berkenaan dengan penguatkuasaan kehadiran saksi, pendengaran keterangan secara bersumpah atau ikrar dan penjatuhan hukuman bagi penghinaan mahkamah.

### **Tatacara Tribunal Rayuan**

72. Tertakluk kepada Akta ini, Tribunal Rayuan boleh menerima pakai apa-apa tatacara yang difikirkannya patut dan sesuai.

### **Penzahiran kepentingan oleh Pengerusi dan anggota Tribunal Rayuan**

73. (1) Pengerusi, atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan hendaklah menzahirkan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan, dalam hal Pengerusi, kepada Menteri apa-apa kepentingan, dan dalam hal mana-mana anggota, kepada Pengerusi apa-apa kepentingan, sama ada substansial atau tidak, yang mungkin bercanggah dengan kewajipan Pengerusi atau anggota itu, sebagai seorang anggota Tribunal Rayuan dalam sesuatu perkara tertentu.

(2) Dalam hal seorang anggota Tribunal Rayuan, jika Pengerusi berpendapat bahawa kepentingan anggota itu bercanggah dengan kewajipan anggota itu, Pengerusi hendaklah memaklumkan semua pihak kepada perkara itu mengenai percanggahan itu, dan—

(a) jika tiada mana-mana pihak kepada perkara itu membantah percanggahan itu, anggota itu boleh terus melaksanakan kewajipannya sebagai anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu; atau

(b) jika suatu pihak kepada perkara itu membantah mengenai percanggahan itu, anggota Tribunal Rayuan itu tidak boleh terus melaksanakan kewajipannya sebagai anggota Tribunal Rayuan berhubung dengan perkara itu.

(3) Dalam hal Pengerusi Tribunal Rayuan, Menteri hendaklah mempertimbangkan perkara itu dan jika Menteri berpendapat bahawa ada percanggahan kepentingan dengan kewajipannya sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan, Menteri boleh melantik mana-mana Timbalan Pengerusi sebagai Pengerusi ganti mengikut seksyen 63.

(4) Kegagalan Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan untuk menzahirkan kepentingannya di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) menidaksahkan keputusan Tribunal Rayuan, melainkan jika semua pihak bersetuju untuk terikat dengan keputusan itu; dan
- (b) menjadikan Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan itu tertakluk kepada pembatalan pelantikannya di bawah subseksyen 64(2).

### **Setiausaha Tribunal Rayuan dan pegawai lain**

**74.** (1) Menteri hendaklah melantik—

- (a) seorang pegawai awam kanan sebagai Setiausaha Tribunal Rayuan untuk membantu Tribunal Rayuan dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini; dan
- (b) apa-apa bilangan pegawai awam sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk membantu Setiausaha dalam menjalankan fungsinya di bawah perenggan (a).

(2) Bagi maksud seksyen ini, Setiausaha dan mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal Rayuan.

(3) Setiausaha Tribunal Rayuan hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan Tribunal Rayuan mengikut Akta ini.

### **Obligasi kerahsiaan**

**75.** (1) Kecuali bagi Bahagian ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau jika dibenarkan oleh Menteri—

- (a) Pengerusi, tiap-tiap anggota lain, Setiausaha atau mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan tidak boleh, semasa dia berkhidmat sebagai Pengerusi, anggota atau pegawai, mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehnya dalam penjalanan kewajipannya; dan

- (b) tiada mana-mana orang lain pun yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Tribunal Rayuan boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Pekhidmat awam dan pegawai awam**

**76.** Pengerusi, tiap-tiap anggota lain, Setiausaha dan mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan, semasa menunaikan kewajipan mereka masing-masing hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*], dan menjadi pegawai awam bagi maksud Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

### **Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**77.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Tribunal Rayuan, Pengerusi Tribunal Rayuan, tiap-tiap anggota lain Tribunal Rayuan dan Setiausaha Tribunal Rayuan atau mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

### **Tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati**

**78.** Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Tribunal Rayuan;
- (b) Pengerusi atau mana-mana anggota lain Tribunal Rayuan;
- (c) Setiausaha atau mana-mana pegawai lain Tribunal Rayuan; atau
- (d) seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi dan bagi pihak Tribunal Rayuan,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

### **Prosiding hendaklah terbuka**

**79.** (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal Rayuan hendaklah terbuka kepada orang awam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Pengerusi boleh, atas permohonan oleh seseorang responden kepada suatu rayuan, memerintahkan mana-mana atau semua peringkat prosiding untuk dibuat dalam sesi tertutup jika Pengerusi berpuas hati bahawa ia bertentangan dengan kepentingan awam bagi apa-apa perkara di bawah rayuan itu untuk didengar dalam prosiding terbuka.

### **Keputusan Tribunal Rayuan**

**80.** (1) Tribunal Rayuan hendaklah membuat keputusannya tanpa kelengahan dan jika dapat dilaksanakan, dalam masa tiga puluh hari daripada hari pertama pendengaran di hadapan Tribunal Rayuan.

(2) Keputusan Tribunal Rayuan mengenai apa-apa perkara hendaklah diputuskan mengikut majoriti anggota Tribunal Rayuan.

(3) Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa—

(a) untuk mengesahkan keputusan panel kajian semula;

(b) untuk mengubah keputusan panel kajian semula; atau

(c) untuk mengetepikan keputusan panel kajian semula dan membuat suatu keputusan baharu.

(4) Tribunal Rayuan hendaklah memberikan alasan bagi keputusannya dalam mana-mana rayuan yang didengar di hadapannya.

(5) Jika Tribunal Rayuan membuat suatu keputusan di bawah perenggan (3)(c), Tribunal Rayuan boleh membuat perintah yang berikut:

- (a) dalam hal jika suatu perolehan Kerajaan digantung mengikut seksyen 69, memerintahkan apa-apa keputusan atau tindakan yang diambil oleh entiti perolehan yang berkenaan berhubung dengan perolehan Kerajaan yang menjadi hal yang dicabar untuk diketepikan dan memerintahkan entiti perolehan untuk membuat satu atau lebih keputusan atau tindakan, mengikut peruntukan yang berkaitan di bawah Akta ini, sebagai ganti kepada apa yang telah diketepikan;
- (b) dalam hal jika suatu perolehan Kerajaan tidak digantung dan surat setuju terima belum ditandatangani oleh pihak-pihak, memerintahkan entiti perolehan untuk meremеди situasi itu dan meletakkan perayu atau proses perolehan Kerajaan itu atau kedua-duanya dalam keadaan sebelum hal perkara rayuan itu dikemukakan kepada Tribunal Rayuan; dan
- (c) dalam hal jika suatu perolehan Kerajaan tidak digantung dan surat setuju terima telah ditandatangani oleh pihak-pihak, memerintahkan entiti perolehan untuk membayar kepada perayu kos penyertaan dalam kelayakan pembekal dan kontraktor, atau kos penyediaan tender, yang telah ditanggung oleh perayu secara munasabah bagi maksud perolehan Kerajaan itu.

(6) Tribunal Rayuan boleh, sebagai tambahan kepada suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (5)(a) atau (5)(b), memerintahkan entiti perolehan itu untuk membayar kepada perayu kos penyertaan dalam kelayakan pembekal dan kontraktor, atau kos penyediaan tender, yang telah ditanggung oleh perayu secara munasabah bagi maksud perolehan Kerajaan itu.

(7) Suatu keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu.

(8) Keputusan Tribunal Rayuan hendaklah secara bertulis dan disiarkan dalam bentuk dan cara yang ditetapkan.

**Penguatkuasaan keputusan Tribunal Rayuan**

**81.** Suatu keputusan yang diberikan oleh Tribunal Rayuan boleh, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi.

**BAHAGIAN XI****TINDAKAN PENTADBIRAN DAN PENDAKWAAN****Dokumen dan maklumat palsu**

**82.** (1) Tiada seorang pun boleh, dalam penyertaannya dalam suatu perolehan Kerajaan atau apa-apa kehendak di bawah Akta ini, mengemukakan kepada suatu entiti perolehan, Pendaftar atau Perbendaharaan—

- (a) apa-apa dokumen yang dipalsukan, diubah atau dilancarkan; atau
- (b) apa-apa maklumat yang palsu atau mengelirukan, atau mengandungi peninggalan material.

(2) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

**Tanggungjawab pengarah, dsb., pertubuhan perbadanan, dsb.**

**83.** Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini ialah sesuatu pertubuhan perbadanan, firma, koperasi atau kumpulan orang yang lain, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan, firma, koperasi atau kumpulan orang yang lain itu atau berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau dalam apa-apa cara atau apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan mana-mana hal ehwal pertubuhan perbadanan, firma, koperasi atau kumpulan orang yang lain itu atau telah membantu dalam pengurusannya—

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan, firma, koperasi atau kumpulan orang yang lain itu; dan

(b) jika pertubuhan perbadanan, firma, koperasi atau kumpulan orang yang lain itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan hendaklah dihukum dengan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, setelah mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan semua hal keadaan, dia membuktikan—

(i) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya; atau

(ii) bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

### **Tanggungjawab seseorang bagi perbuatan, dsb., pekerja, dsb.**

**84.** Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan—

(a) oleh pekerja orang itu dalam penjalanan pekerjaannya;

(b) oleh ejen orang itu semasa bertindak bagi pihak orang itu; atau

(c) oleh pekerja ejen orang itu semasa bertindak dalam penjalanan pekerjaannya dengan ejen orang itu atau selainnya bagi pihak ejen orang itu yang bertindak bagi pihak orang itu,

orang itu boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja atau ejen orang itu, atau oleh pekerja ejen orang itu.

### **Kuasa untuk mengenakan penalti pentadbiran**

**85.** (1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pendaftar atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengenakan penalti pentadbiran terhadap mana-mana orang

bagi ketidakpatuhan kepada apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau apa-apa pelanggaran mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pendaftar atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, sebelum membuat keputusan untuk mengenakan suatu penalti pentadbiran terhadap mana-mana orang, menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang memintanya menunjukkan sebab, dalam masa empat belas hari daripada tarikh notis bertulis itu, mengapa penalti pentadbiran itu tidak patut dikenakan ke atasnya.

(3) Jika Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pendaftar atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan sebagai jawapan kepada notis bertulis yang disampaikan di bawah subseksyen (2) atau jika notis bertulis itu tidak diberikan jawapan dalam masa empat belas hari, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pendaftar atau pihak berkuasa kewangan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengenakan suatu penalti pentadbiran —

- (a) dalam suatu amaun yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau
- (b) dalam suatu amaun yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari ketidakpatuhan itu dan amaun itu tidak boleh secara keseluruhannya melebihi lima puluh ribu ringgit.

(4) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Pendaftar atau pihak berkuasa kewangan Negeri di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(5) Apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah seksyen ini hendaklah didapatkan semula sebagai suatu hutang sivil kepada Kerajaan.

### **Pendakwaan**

**86.** Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

### **Pengkompaunan kesalahan**

**87.** (1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang menetapkan—

(a) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun; dan

(b) kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh, dengan keizinan secara bertulis oleh Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum sesuatu pendakwaan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Perbendaharaan suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dihukum jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa rekod, buku, akaun,

dokumen, data berkomputer atau benda lain atau apa-apa bahan atau benda yang merupakan hal perkara perolehan Kerajaan yang sedang disiasat yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilucuthakkan atau dilepaskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

### **Penalti am**

**88.** Mana-mana orang yang melanggar mana-mana kehendak atau peruntukan Akta ini, melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata, boleh, apabila disabitkan—

- (a) dalam hal seseorang individu, dengan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau
- (b) dalam hal suatu syarikat, perkongsian, koperasi atau badan profesional, dengan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

## **BAHAGIAN XII**

### **AM**

### **Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan**

**89.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini termasuk apa-apa perkara tambahan, bersampingan atau berbangkit berhubung dengan Akta ini.

(2) Tanpa mengehendkan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berhubung dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penjalanan kewajipan dan kuasa pegawai pengawal di bawah seksyen 7;

- (b) penjalanan kewajipan dan kuasa pegawai perolehan di bawah seksyen 8;
- (c) tatacara perolehan Kerajaan oleh entiti perolehan selain Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri di bawah seksyen 9;
- (d) tatacara bagi kelulusan perolehan Kerajaan di bawah seksyen 10, termasuk penubuhan dan pelantikan apa-apa jawatankuasa bagi maksud penilaian, pertimbangan dan pengesyoran apa-apa perkara mengenai perolehan Kerajaan, termasuk pentadbiran dan tatacara jawatankuasa tersebut;
- (e) pentadbiran lembaga perolehan di bawah seksyen 11 dan 12, termasuk—
  - (i) syarat dan tatacara kelulusan oleh mana-mana orang dengan kuasa untuk meluluskan perolehan Kerajaan; dan
  - (ii) perkara yang berhubungan dengan kerahsiaan dan integriti proses membuat keputusan;
- (f) tatacara bagi pendaftaran, pembaharuan pendaftaran, pindaan pendaftaran, penggantungan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran di bawah Bahagian IV, termasuk—
  - (i) kehendak dan prasyarat bagi pendaftaran, pembaharuan pendaftaran dan pindaan pendaftaran;
  - (ii) tatacara bagi penilaian orang yang layak dan sesuai;
  - (iii) hal perkara, bentuk dan cara bagi perisytiharan yang dikehendaki untuk dibuat di bawah perenggan 18(3)(b);
  - (iv) fi dan caj;
  - (v) bentuk dan cara penzahiran kepentingan di bawah subseksyen 37(2); dan

- (vi) tatacara memberikan peluang untuk didengari di bawah subseksyen 21(5);
- (g) penjalanan perolehan di bawah Bahagian V, termasuk—
  - (i) tatacara bagi perolehan terbuka dan berdaya saing;
  - (ii) kriteria, kelayakan, syarat dan sekatan bagi pemakaian kaedah selain kaedah perolehan terbuka dan berdaya saing serta tataranya;
  - (iii) syarat dan tatacara bagi pengeluaran Sijil Perolehan Demi Kepentingan Awam;
  - (iv) fi dan caj; dan
  - (v) bentuk dan cara kontrak antara entiti perolehan dengan orang berdaftar;
- (h) kriteria dan syarat bagi kelulusan pemindahan, penyerahakan atau novasi kontrak atau apa-apa kepentingan dalam kontrak, dan pemindahan atau penyerahakan suatu pemberian dan apa-apa kepentingan dalam pemberian di bawah seksyen 35;
- (i) bentuk dan cara bagi penzahiran kepentingan di bawah seksyen 37;
- (j) tatacara bagi pentadbiran panel kajian semula di bawah seksyen 62, termasuk—
  - (i) kuasa dan kewajipan panel kajian semula dan anggota panel kajian semula;
  - (ii) bentuk dan cara pengemukaan untuk kajian semula;
  - (iii) kaedah perolehan Kerajaan dan pihak yang berkelayakan untuk membuat kajian semula; dan
  - (iv) fi dan caj;

- (k) tatacara yang berhubungan dengan pentadbiran Tribunal Rayuan di bawah Bahagian X, termasuk—
- (i) tanggungjawab dan kawalan anggota Tribunal Rayuan;
  - (ii) pentadbiran dana yang diuntukkan kepada Tribunal Rayuan;
  - (iii) saraan, elaun dan ganjaran untuk Pengerusi dan anggota Tribunal Rayuan;
  - (iv) penjalanan prosiding;
  - (v) peruntukan yang berhubungan dengan kos dan perbelanjaan Tribunal Rayuan; dan
  - (vi) fi, caj dan deposit;
- (l) fi, caj dan deposit yang perlu dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta ini; dan
- (m) apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Akta ini untuk ditetapkan.

### **Kuasa Menteri untuk meminda Jadual**

**90.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual kepada Akta.

### **Arahan dan pekeliling oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

**91.** Ketua Setiausaha Perbendaharaan boleh mengeluarkan apa-apa arahan atau pekeliling sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini, untuk menjalankan atau mencapai matlamat dan maksud Akta ini, atau mana-mana peruntukannya, atau untuk melaksanakan peruntukan Akta ini selanjutnya, dengan lebih baik atau lebih mudah.

**Arahan oleh pihak berkuasa kewangan Negeri**

**92.** Dalam hal sesuatu Negeri—

- (a) pihak berkuasa kewangan Negeri boleh, sebagai tambahan kepada Akta ini atau apa-apa arahan, pekeliling atau garis panduan yang dikeluarkan di bawah Akta ini, mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi pentadbiran sepatutnya Akta ini di Negeri itu, dengan syarat bahawa arahan itu tidak bercanggah dengan Akta ini; dan
- (b) apa-apa obligasi untuk mematuhi Akta ini termasuklah obligasi untuk patuh kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah perenggan (a) dan apa-apa enakmen oleh Dewan Undangan yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan.

**Kecualian dan peralihan**

**93.** (1) Mana-mana orang yang berdaftar, bagi maksud perolehan Kerajaan, sebagai pembekal barangan atau perkhidmatan atau kontraktor bagi kerja dengan Kementerian Kewangan atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh Kementerian Kewangan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah didaftarkan di bawah Akta ini sehingga habis tempoh pendaftaran, kecuali dalam hal suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 832*] yang pendaftarannya disifatkan telah terbatal enam bulan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Mana-mana permohonan bagi pendaftaran, pembaharuan pendaftaran, pindaan pendaftaran atau pengecualian berhubung dengan mana-mana pembekal barangan atau perkhidmatan atau kontraktor bagi kerja bagi maksud perolehan Kerajaan yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana aduan atau bantahan berhubung dengan suatu pendaftaran, pembaharuan pendaftaran atau pindaan pendaftaran yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini

hendaklah diuruskan di bawah arahan dan pekeling yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(4) Mana-mana aduan atau bantahan yang dibuat terhadap mana-mana entiti perolehan berhubung dengan mana-mana perolehan Kerajaan yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan di bawah arahan dan pekeling yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(5) Mana-mana permohonan yang dibuat kepada Kementerian Kewangan atau mana-mana entiti perolehan untuk membuat kajian semula apa-apa tatacara berhubung dengan mana-mana perolehan Kerajaan yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan mengikut arahan dan pekeling yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(6) Mana-mana rayuan yang dibuat kepada Kementerian Kewangan berhubung dengan apa-apa keputusan perolehan Kerajaan yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan mengikut arahan dan pekeling yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(7) Mana-mana perolehan Kerajaan yang dimulakan oleh mana-mana entiti perolehan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah diuruskan mengikut arahan dan pekeling yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(8) Mana-mana pengecualian yang diberikan oleh Perbendaharaan menurut mana-mana arahan atau pekeling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 mengenai perkara yang berhubungan dengan perolehan Kerajaan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

[Seksyen 10]

## NILAI AMBANG KELULUSAN

Bil.	Pihak berkuasa yang meluluskan	Perolehan bagi barangan dan perkhidmatan	Perolehan bagi kerja
1.	Menteri/Menteri Besar atau Ketua Menteri atau pihak berkuasa yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri	Lebih daripada RM50 juta	Lebih daripada RM100 juta
2.	Lembaga perolehan	Lebih daripada RM500,000 hingga RM50 juta	Lebih daripada RM500,000 hingga RM100 juta
3.	Jawatankuasa	Daripada RM50,000 hingga RM500,000 nilai suatu kontrak perolehan atau jumlah nilai bagi setahun	Daripada RM50,000 hingga RM500,000
4.	Pegawai pengawal	Di bawah RM50,000 nilai suatu kontrak perolehan atau jumlah nilai bagi setahun	Di bawah RM50,000

## JADUAL KEDUA

[Seksyen 11]

## AHLI LEMBAGA PEROLEHAN

Bil.	Entiti perolehan	Ahli lembaga perolehan
1.	Kementerian/kementerian atau jabatan sesuatu Negeri	<p>(1) Pegawai pengawal atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh pegawai pengawal untuk bertindak bagi pihaknya, yang hendaklah menjadi pengerusi;</p> <p>(2) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau mana-mana pegawai awam Perbendaharaan yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, pihak berkuasa kewangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dinamakan oleh pihak berkuasa kewangan Negeri;</p> <p>(3) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya atau, berhubung dengan sesuatu Negeri, Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri atau wakilnya; dan</p> <p>(4) Tertakluk kepada kelulusan Menteri atau, Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, ahli tambahan daripada Kementerian atau kementerian atau jabatan sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p>
2.	Kementerian Kewangan	<p>(1) Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau mana-mana pegawai awam Perbendaharaan yang dinamakan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk bertindak bagi pihaknya, yang hendaklah menjadi pengerusi;</p> <p>(2) Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan atau wakilnya;</p> <p>(3) Pengarah yang bertanggungjawab bagi belanjawan negara di bawah Kementerian Kewangan atau wakilnya; dan</p> <p>(4) Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya atau wakilnya.</p>